



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**KKM LANCAR PELAN STRATEGIK KEJURURAWATAN 2026–2036:
MEMPERKASA JURURAWAT DEMI KELESTARIAN SISTEM
KESIHATAN NEGARA**

YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan telah melancarkan **Pelan Strategik Kejururawatan 2026–2036** (*Nursing Strategic Planning 2026–2036*) sempena Sambutan Hari Jururawat Tahun 2026 Peringkat KKM di Auditorium Kompleks E, Putrajaya.

Bertemakan “***Our Nurses, Our Future: Empowered Nurses Save Lives***”, pelan komprehensif berpandangan jauh ini dirangka khas bagi mendepani cabaran landskap kesihatan masa depan, termasuk peningkatan populasi warga emas, lonjakan penyakit tidak berjangkit (NCD), isu keletihan melampau (*burnout*), serta cabaran penghijrahan bakat (*brain drain*) ke luar negara.

Profesion kejururawatan merupakan komponen terbesar dalam sektor kesihatan negara, dengan kekuatan melebihi **124,930 jururawat berdaftar**, yang merangkumi lebih daripada separuh keseluruhan tenaga kerja kesihatan Malaysia. Melalui pelan strategik baharu 10 tahun ini, KKM menyasarkan transformasi ekosistem kejururawatan

negara agar lebih kukuh, progresif, berdaya saing dan diiktiraf di peringkat antarabangsa menjelang tahun 2036.

Pelan Strategik Kejururawatan 2026–2036 ini dibangunkan berteraskan **empat tonggak strategik utama**:

- 1. *Jobs and Workforce* (Pekerjaan dan Tenaga Kerja):**
Menumpukan kepada peningkatan pengambilan pelatih jururawat di ILKKM, IPTA, dan IPTS, memperkasa laluan pembelajaran daripada Jururawat Masyarakat ke Jururawat Berdaftar melalui *On Job Training* (OJT), meningkatkan pengambilan jururawat serta memfokuskan strategi pengekalan bakat (*talent retention*).
- 2. *Service Delivery* (Penyampaian Perkhidmatan):**
Memperkasakan peranan jururawat dalam penjagaan komuniti dan pengurusan penyakit tidak berjangkit (NCD), memperluas autonomi klinikal, serta mendigitalkan dokumentasi kejururawatan menerusi integrasi sistem EHR dan EMR untuk mengurangkan beban pentadbiran pesakit.
- 3. *Education* (Pendidikan):** Menambah baik kurikulum kejururawatan dan kebidanan dengan mengintegrasikan elemen digital, kecerdasan buatan (AI), dan simulasi klinikal, selain memperluas laluan akademik menerusi pengiktirafan sarjana, *micro-credentials*, dan APEL.
- 4. *Leadership and Governance* (Kepimpinan dan Tadbir Urus):**
Mengukuhkan kepimpinan jururawat di peringkat tertinggi, meluaskan penglibatan dalam pembentukan dasar kesihatan, serta melaksanakan usaha pindaan Akta Jururawat 1950 dan Akta

Bidan 1966 bagi mengiktiraf peranan klinikal lanjutan seperti *Advanced Nurse Practitioner (ANP)*.

Secara keseluruhannya, pelan ini mengandungi 17 strategi dan 44 inisiatif jangka panjang yang merupakan manifestasi komitmen KKM dalam menjaga kebajikan, memperkasa kepakaran, dan mengangkat suara jururawat dalam proses membuat keputusan kesihatan negara. Di samping itu, KKM juga komited untuk terus memberi penghormatan kepada outstanding performers dan tokoh jururawat cemerlang bagi memupuk budaya kerja kelas pertama, profesionalisme, serta meningkatkan motivasi dalam kalangan wira dan wirawati negara ini.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
9 JUN 2026

